

Tempat2 hiburan, hotel diseru khaskan kawasan tidak merokok

UM - 2 NOV 1988

Maharini

PETALING JAYA 1 Nov. — Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali hari ini menyeru tuan-tuan punya tempat-tempat hiburan, restoran dan hotel mengkhaskan satu kawasan tidak merokok bagi faedah dan kesejahteraan pelanggan yang tidak merokok.

Isteri Perdana Menteri berkata, kemudahan seperti ini adalah perkara biasa di kebanyakan negara Barat untuk membolehkan mereka yang tidak merokok tidak mendapat kesan buruk akibat menyedut asap yang dikeluarkan oleh mereka yang merokok.

Serentak dengan itu beliau meminta kerjasama pihak swasta dan orang perseorangan

membantu kerajaan menyedarkan masyarakat Malaysia mengenai bahaya amalan merokok.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapannya merasmikan Minggu Tanpa Merokok 1988 di Hospital Universiti di sini.

Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah berkata tabiat merokok perlu dibendung jika masyarakat ingin membanteras penyalahgunaan dadah kerana merokok adalah salah satu punca penyalahgunaan dadah di kalangan remaja.

Menurut beliau lebih daripada 2.5 juta orang setahun penduduk dunia hari ini didapati meninggal akibat diserang penyakit - penyakit yang

disebabkan oleh rokok.

Beliau berkata kenyataan itu dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), yang juga mengisytiharkan bahawa tabiat merokok mestilah dicegah.

Katanya, merokok boleh menyebabkan muka seseorang itu cepat berkedut di samping kekurangan kecergasan jasmani.

Beliau berkata kempen 'tanpa merokok' yang telah dianjurkan sejak 1982 itu telah dapat menyedarkan masyarakat mengenai bahaya merokok.

Sementara itu, Peng-erusi Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. S.K. Teoh ketika ditanya di majlis itu memberitahu, sebelum

1987 kempen ini dikenali sebagai 'Hari Tanpa Merokok' dan kini dikenali dengan "Minggu Tanpa Merokok' pula memandangkan adanya sambutan yang baik dari orang ramai bagi menjayakan kempen ini.

Menurut beliau, negara ini mengalami pertambahan bilangan orang yang merokok 5 hingga 7 peratus setahun sejak 1970 tetapi ia dapat dikurangkan sebanyak 5 peratus setahun sepanjang 1983 dan 1984 apabila beberapa langkah pencegahan diambil.

Bagaimanapun katanya, sepanjang 1986 hingga 1988, bilangan mereka yang merokok telah bertambah sebanyak 2 hingga 3 peratus setahun.